

# KEMBARA SEORANG PENYAIR

TEKS DAN FOTO: MUHAMMAD HAJI SALLEH (SASTERAWAN NEGARA)

# Amsterdam ADA PASIR, AIR DAN GANJA

**D**ARI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SCHIPHOL KE AMSTERDAM, PERJALANAN KERETA APINYA HANYALAH SEKITAR 30 MINIT. DENGAN KERETA API YANG CEPAT INI, KITA AKAN MELALUI PEKAN DAN DESA KECIL DI TEPI LADANG YANG LUAS DENGAN TANAMAN GANDUM DAN JUGA PADANG RAGUT HAIWAN PELIHARAAN UNTUK SUSU DAN DAGING. INILAH NEGARA DAGING DAN SUSU PALING TERNAMA, DAN HASIL LANGSUNGNYA, ORANG BELANDA IALAH MANUSIA TERTINGGI DI EROPAH! JAUH KE DALAM SEDIKIT IALAH KEUKENHOF, SEBUAH TAMAN BUNGA-BUNGAAN DENGAN RATUSAN EKAR BUNGA TULIP DAN BEBERAPA JENIS BUNGA SEMI DAN MUSIM PANAS LAINNYA.





Deretan rumah di Amsterdam.

Kereta api itu membawa kita ke Central Station Amsterdam. Awas banyak penyeluk saku di sini! Dari sinilah jalan-jalannya akan mengarah ke subbandar kota besarnya. Jalan lurus di depan stesen yang menuju ke arah timur membawa kita ke Istana Raja-raja Orange.

\*\*\*

Amsterdam ialah sebuah kota yang tua dan indah yang terbina daripada bata merah sepanjang ratusan tahun. Belanda tidak memiliki bukit batu yang pejal tetapi kaya dengan pasir dari dasar laut. Namun, kepadatan bata inilah yang membolehkan mereka membina negeri dan rumah kediaman. Bangunan dan rumah daripada bata ini tidak sepejal batu, dan apabila dibina di tepi air, maka wataknya dilembutkan oleh puluhan tali air yang melewati kota ini. Hal ini mengindahkannya dengan segala kemungkinan yang dianugerahkan air, termasuklah tumbuh-tumbuhan dan tanaman hijau

Berjalan-jalan di jalan batu bersusun di tepi aliran sungai dan kanal ini ialah suatu pengalaman


yang molek, tanpa kegilaan lalu lintas kereta dan lori, dan tambahan pula melukis cara hidup orang Belanda. Rumah di sini selalunya dua hingga empat tingkat tingginya, dan tebar layar di tingkat teratas cukup khusus dan sering menjadi petanda di depan atapnya. Rumah-rumah ini kini sering berwarna-warni dan membawa suasana riang kepadanya. Sering pula terdapat

perahu yang belayar atau tertambat di depannya.

Rumah Belanda sering bertingkap kaca. Tingkap kaca bilik depan di tingkat bawah sekali menyimpan balik tamu yang dapat dilihat dari luar. Jarang tergantung tirai penutup kerana di bawah tingkap itu selalu disusun pohon-pohon kecil, simpanan hobi seperti kristal, cendera dan tanda-tanda kota yang pernah dilawati. Malah, ada juga batik dari Indonesia yang ingin ditunjukkan kepada orang yang lalu lalang.

Generasi Belanda tua sederhana hidup mereka – mereka tidak memiliki kereta – dan basikal yang menjadi pengangkutan utama. Pada kebiasaannya, basikal ini dibawa ke dalam rumah, dan sering juga pada siang harinya, ditambah pada batang pohon atau tiang bandar raya lainnya. Oleh hal yang demikian, ruang di luar rumah hampir seluruhnya ialah ruang publik.

Lebarnya rumah ini biasanya agak sempit kerana dari dahulunya cukai rumah bergantung kepada




Pemandangan dari atas pasar tradisional di kota Amsterdam.

“buka” bahagian depannya. Jadi, hampir semua pemilik rumah Belanda memintas peraturan ini dengan memanjangkannya ke belakang, sementara mengekalkan “buka” yang sempit tadi. Ada taman-taman kecil untuk menampung keperluan kepada

ruang yang lebih dan kehijauan alam yang menenangkan.

Di kawasan perumahannya, orang Belanda tidak berminat kepada kedai besar dan pasar raya. Kedai-kedai kecil menjual semua keperluannya. Yang tidak didapati di sini, dapat dibeli di pasar pagi

**Amsterdam ialah sebuah kota yang tua dan indah yang terbina daripada bata merah sepanjang ratusan tahun. Belanda tidak memiliki bukit batu yang pejal tetapi kaya dengan pasir dari dasar laut. Namun, kepadatan bata inilah yang membolehkan mereka membina negeri dan rumah kediaman. Bangunan dan rumah daripada bata ini tidak sepejal batu, dan apabila dibina di tepi air, maka wataknya dilembutkan oleh puluhan tali air yang melewati kota ini.**



Restoran “istimewa”.

dan petang dan kebiasaannya ada pula pasar hujung minggu yang besar, iaitu pasar raya tradisional mereka. Di sini semua keperluan boleh didapatkan. Pasar-pasar tradisional ini masih dikunjungi ramai penduduk, dan memerikan sebuah ruang di mana mereka dapat bertemu, bertanya khabar dan berguncan. Tidak jauh



Daerah lampu merah di Amsterdam.



Patung Anne Frank.



Taman kota di Vondelpark.

dari situ ada kedai kopi di tepi air, sekira mereka mahu berlama-lama.

Dalam beberapa pasar tradisional di kota itu, Pasar Albert Cuyp ialah yang paling besar dan menawarkan semua jenis keperluan penduduknya – daripada alatan pertukangan kayu dan simen, sayur-sayuran, roti, sehinggalah tidak lupa puluhan jenis keju yang meninggikan badan orang Belanda itu! Selain itu, ada pakaian, alat permainan anak-anak, alatan sekolah, tempat membaiki basikal, jenis-jenis kain dan seluar untuk lelaki dan perempuan, serta bayi dan anak kecil.

Daripada pasar-pasar ini, kesukaan saya ialah Pasar Antiek Markt di Waterlooplein. Pasar ini menawarkan berbagai-bagai barangan antik dan separa-antik, terutama ukiran, skulptur, lukisan, pakaian militari, setem dan radio, serta piring hitam zaman dahulu. Pilihan saya ialah bahagian buku-buku lama yang kini sesekali menawarkan buku Indonesia yang tua, seperti terbitan Brill di Leiden, tetapi sudah menjadi sangat langka. Banyak juga buku tua dalam bahasa Inggeris dan Jerman.

Antara barang-barang lamanya, sekali sekala muncul juga sebilah dua keris, dan beberapa artifak lainnya dari Bali dan Jawa. Tetapi jarang yang dijual itu benar-benar

tua, kerana yang tua ini beberapa dekad yang lalu sudah pun terjual. Sekarang yang dijual itu barang baharu atau tiruan. Sekiranya ke arah jalan yang lebih besar sedikit, kita dapat melihat kedai-kedai dan restorannya. Di Belanda, terdapat banyak restoran China dan Indonesia. Di restoran yang lebih terkini ada pula yang menawarkan ruang untuk pelanggan menyedut ganja, oleh sebab di Belanda ganja tidak diharamkan, maka ribuan pelanggan dari seluruh dunia berkunjung ke sini untuk menyambung tabiat mereka yang sudah lama itu secara halal dan terbuka.

Oleh sebab budaya pasar di tepi tali air ini sangat mendarah daging, maka pada hari jadi Raja sekalipun, kita dapat lihat penduduk menjual barangan peribadi di luar rumah atau di taman-taman kecil kawasan mereka. Di beberapa kedai kopi, termasuk di Barney's Coffeeshop di Haarlemmerstraat, kemudahan mencuba ganja ini ditawarkan. Di Amsterdam terdapat beberapa tempat lainnya yang menawarkan nikmat ini!

Sekiranya kita jalan ke arah timur sedikit, kita akan temui rumah Anne Frank. Anne Frank ialah gadis Yahudi yang bersembunyi di loteng sebuah rumah Amsterdam di tepi air selama pendudukan Jerman, lebih tiga tahun, dengan membina sebuah lantai palsu supaya tiada yang menyangka ada yang tinggal di sana. Bukunya *The Dairy of Anne Frank* terjual secara meluas, dan cukup ramai pengunjung dan melawat ke sana. Ramai yang memilih untuk membeli tiket dan seterusnya dibawa berkeliling kota yang cantik dan unik ini. Kita akan ditunjukkan kepada bangunan bersejarah dan terkenal.

Seterusnya, jikalau kita kembali mengarah ke pelabuhan dan memasuki ke arah utara sedikit, kita akan memasuki daerah lampu merah Amsterdam yang terkenal di seluruh dunia. Wanita-wanita yang ingin dipilih, duduk dalam bilik di belakang kaca. Hal ini merupakan sebahagian daripada tarikan Amsterdam. Dalam makalah seterusnya, saya akan cuba memperkenalkan universiti, pelabuhan dan muziumnya. **DB**